

memandang jauh kepada keadaan yang berjalan sedang rupa kebangsaan sekarang, walau pun tidak terang tetapi sudah merupakan bangsa Malayan, dan cita-cita sebagai yang dibawa oleh Yang Dipertua mendiang Parti Kebangsaan Melayu yang sekarang menjadi Yang Dipertua Agung PAS sulit dilaksanakan kerana kekalahan-kekalahan politiknya masa yang lampau.

Kerana itu, besar benar ertinya kepada kita umat Islam yang memperjuangkan cita-cita keagamaan, tidak cita-cita kebangsaan, menyambut dengan dua belah tangan rancangan Tunku membawa pelarian-pelarian Islam dari negeri komunis yang ada di Hong Kong itu pada dasarnya dengan diberi pula syarat-syarat yang utama untuk mereka berusaha dan bekerja menjadi mubaligh bersama-sama kita untuk menarik orang-orang China menjadi Islam. Kalau usaha ini berjaya tentulah dengan sendirinya dalam masa tidak lama lagi akan banyak keturunan Cina Islam di negeri kita yang dapat bersama-sama untuk menegakkan satu cita-cita supaya hukum Allah terlaksana di negeri ini.

Ingatlah perjuangan agama adalah mengutamakan agama lebih dahulu, tidak seperti yang disemboyanan oleh pimpinan-pimpinan PAS sekarang, perjuangan mereka ialah kerana bangsa, nusa dan agama tetapi perjuangan agama ialah berdasar kepada agama, nusa dan bangsa yakni mengutamakan hal-hal agama lebih dahulu.

Kita berkeyakinan, dan tidak di situ sahaja tetapi kita bersedia memberi kerjasama di dalam usaha mengembangkan agama kepada orang-orang yang bukan Islam semoga dengan itu masalah yang sangat rumit kita hadapi sekarang, dalam masa yang tidak lama lagi, kita dapat dari sedikit ke sedikit dikurangkan kerana keadaan

penduduk di Persekutuan Tanah Melayu sekarang ini adalah umpama sekandang tak sebau.

Mudah mudahan ahli-ahli PAS memikirkan semula hal ini, dan mengadakan koreksi kepada ucapan Setiausahanya di dalam tiap-tiap perkara yang diucapkannya supaya cita-cita yang mula didirikan PAS itu terpesong daripada memperjuangkan cita-cita agama kepada perjuangan yang bersifat kebangsaan yang berlawanan dengan dasar dan tujuan agama Islam.

Lagi perkara pelajaran agama di sekolah-sekolah Singapura

Sungutan-sungutan telah timbul lagi tentang cara yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran Singapura terhadap cara-cara bekerja Kementerian itu terhadap kepada pelajaran-pelajaran agama Islam yang bakal dijalankan oleh kerajaan sekarang.

Sungutan-sungutan itu yang pertama, seperti yang kita katakan dalam rencana kita yang lalu, bahawa sesuatu badan penasihat pelajaran agama telah ditubuhkan untuk menasihati kementerian itu dan segala yang berkenaan dengannya tetapi apakah yang akan dinasihati mereka kerana kementerian itu sendiri tidak membuat satu rencana mengenai corak dan dasar pelajaran agama yang dibuat olehnya.

Sungutan yang kedua – ialah kebanyakan guru-guru yang diambil mengajar itu bukannya daripada guru-guru yang telah mengajar agama tetapi ialah daripada lepasan sekolah agama yang sudah tentunya tidak mempunyai pengalaman mengajar apalagi kepada mereka tidak pula diberi panduan yang tertentu untuk melaksanakan pelajaran-pelajaran yang bakal dijalankan mereka.

Sungutan ketiga – ialah tidak ada dasar sukatan pelajaran dan tidak ada ketentuan-ketentuan kitab-kitab

yang diajarkan yang boleh disesuaikan dengan pelajaran-pelajaran yang bakal diberi kepada murid-murid yang ada pula menerima pelajaran-pelajaran lain daripada pelajaran agama itu.

Sungutan yang keempat – adalah nampaknya segala urusan-urusan pelajaran agama itu diserahkan oleh Kementerian Pelajaran semata-mata ke atas kebijaksanaan Menteri Muda Pelajaran yang diketahui tidak mempunyai pengalaman langsung dalam urusan-urusan melaksanakan pelajaran agama.

Sungutan yang kelima – Ahli-Ahli Majlis Penasihat Pelajaran Agama itu terpilih sebahagiannya daripada orang-orang yang bukan ahli di dalam urusan pelajaran dan kerja-kerja yang dijalankan mereka hanya sebagai kerja-kerja *volunteer* sahaja - tidak mendapat bayaran-bayaran untuk menjalankan tugas mereka. Jika di dalam urusan-urusan lain di dalam Jawatankuasa yang berbentuk pelajaran ada ahli-ahlinya mendapat saguhati maka mengapa pula di dalam Jawatankuasa Penasihat yang bertugas besar ini mereka tidak mendapat saguhati untuk melaksanakan tugasnya.

Sungutan ini telah memang pada tempatnya. Hingga hari ini kerajaan Singapura belum ada merasmikan melantik satu Jawatankuasa Penaja Rancangan Pelajaran itu. Rencana Pelajaran Agama sekarang hanya sependai-pandai kata daripada Menteri Muda Pelajaran sahaja – tidak beratur dan bersusun. Cara yang semacam ini adalah berbahaya kepada keselamatan pertumbuhan kepada kanak-kanak yang belajar itu. Sehingga dengannya ada yang berpendapat sekiranya pelajaran agama di sekolah-sekolah itu tidak di susun dan di atur dengan baik lebih baik ditiadakan sahaja terutamanya kalau perkara yang dibuat itu hanya sebagai topeng jiwa -tidak sebagai suatu dasar.

Hal ini bertambah-tambah lagi kerana guru-guru yang mengajar itu tidak terlatih dan tidak diselenggarakan dengan baik terutamanya lagi apabila mereka itu hanya daripada lepasan-lepasan sekolah-sekolah agama yang jauh cara pelajarannya mengikut kaedah-kaedah yang dapat menyertai pertumbuhan kanak-kanak yang hendak diajar itu.

Lebih berbahaya lagi kepada kanak-kanak itu kerana sukatan pelajarannya tidak ada sehingga dengannya Kementerian Pelajaran, menerusi Menteri Muda Pelajaran, meraba-raba mencari buku-buku yang boleh digunakan di sekolah-sekolah itu adakah ahal ini tidak berbahaya kepada keselamatan dan pertumbuhan kanak-kanak itu?

Penampungan guru-guru juga tidak diatur dengan sewajarnya. mereka tidak ada yang mengurusnya. Mereka berjalan sesuka-sukanya sahaja. Sebab itu mustahak benar diadakan Pengurus atau Pengawal guru-guru untuk menyesuaikan cara-cara pelajaran dan mentadbirkan perjalanan guru-guru itu. Mereka wajib mendapat pimpinan. Hal ini sangat sukar kerana jika urusan ini ditadbir sendiri oleh Menteri Muda Pelajaran seperti sekarang maka kita yakin tidak ada manfaatnya pelajaran agama Islam dijalankan kerana ia akan membahayakan kepada pertumbuhan kanak-kanak dan pelajaran itu dijalankan tidak seperti yang dimaksudkan.

Hal ini patut diperhatikan oleh pertumbuhan-pertumbuhan yang berkenaan yang menuntut diadakan pelajaran-pelajaran agama di sekolah-sekolah sebab pelajaran agama dijalankan dengan tidak ada rancangan ada tidak disusun adalah sangat berbahaya apalagi kelak buku-buku yang digunakan untuk mengajarnya tidak sesuai dengan pelajaran-pelajaran yang dikehendaki.